



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## **PENGARUH PERSEKITARAN TERHADAP PENGUASAAN STRUKTUR AYAT BAHASA MELAYU KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**NURFARAH LO ABDULLAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## **DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH KEDOKTORAN (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti pengaruh persekitaran terhadap penguasaan struktur ayat bahasa Melayu (SABM) dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Tujuan kajian ini secara umum untuk meninjau SABM dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, manakala secara khusus, kajian ini menyelidiki pengaruh persekitaran terhadap penguasaan SABM dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Reka bentuk kajian berbentuk deskriptif dan melibatkan kajian kes serta tinjauan. Kajian kes tertumpu pada satu kes tetapi menggunakan pelbagai lokasi, manakala kaedah tinjauan pula untuk mendapatkan data kuantitatif bagi mengenal pasti hubungan antara tahap pelajaran ibu, faktor persekitaran fizikal dan faktor peluang berinteraksi dan berkomunikasi dengan SABM kanak-kanak. Tiga kaedah utama digunakan, iaitu kaedah pemerhatian, kaedah rakaman dan kaedah soal selidik. Kaedah pemerhatian dan kaedah rakaman dijalankan serentak dari awal hingga akhir proses pengumpulan data. Kaedah soal selidik pula digunakan pada awal kerja penyelidikan. Responden kajian terdiri daripada 78 kanak-kanak prasekolah yang dipilih daripada 11 buah prasekolah di sekitar daerah Hulu Selangor. Instrumen kajian seperti kad-kad gambar dan pita rakaman digunakan, di samping aktiviti-aktiviti yang terancang dilaksanakan bagi memperoleh data yang dikehendaki. Data ditranskripsi dan diproses melalui program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS), versi 11.0. Analisis jadual silang, analisis korelasi Pearson Momen dan analisis regresi diaplikasikan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Data kemudian dipersembahkan dalam bentuk jadual frekuensi dan jadual silang. Hasil analisis data menunjukkan bahawa SABM yang paling dominan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah daripada pelbagai latar belakang dan tahap status sosioekonomi keluarga ialah struktur ayat inti. Ayat inti juga didapati lebih dominan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di kawasan luar bandar. Di samping itu, analisis jadual silang dan analisis korelasi Pearson Momen menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara variabel-variabel bebas dengan SABM kanak-kanak prasekolah. Hasil analisis regresi pula menunjukkan bahawa faktor kekerapan membaca dan faktor peluang meluahkan perasaan merupakan dua faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi SABM kanak-kanak prasekolah.

## ABSTRACT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

This study concerned the influence of environment towards the proficiency of Malay sentence structure (SABM) among preschool children. This study mainly aimed at investigating SABM among preschoolers, whereas specifically, it aimed at investigating the influences of environment towards the proficiency of SABM among preschool children. This was a descriptive study involving case study (single case, multisite) and survey. Survey method was administered to acquire quantitative data to determine the relationship between mothers' level of education, environment factors as well as interaction and communication factors with regards to the respondents' SABM. Three main methods were used, ie. observation, recording and questionnaire. Observation and recording methods were carried out simultaneously throughout the process of data collection. 78 respondents were selected from 11 preschools within the Hulu Selangor district. Instruments such as picture cards and tape recorder as well as well planned activities were administered to acquire the data. The data were then transcribed, analysed and processed using the SPSS (Statistical Package for Social Sciences), Version 11.0. Crosstabulation analysis, Pearson Moment correlation and regression analysis were applied to test the hypothesis. Data were then presented in the form of frequency and crosstabulation tables. The result of data analysis indicated that kernel sentences were most dominant among preschool children from various socioeconomic and family background. Kernel sentences were also more dominant among preschool children from the rural areas. Crosstabulation analysis and Pearson Moment correlation analysis indicated significant relationship between independent variables and the preschoolers' SABM. Regression analysis on the other hand, indicated that the two most dominant factors which influenced the preschoolers' SABM were reading frequencies and opportunities to express or voice out feelings and opinions.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI KANDUNGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

## BAB 1 : PENDAHULUAN

	1
--	---

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kurikulum Prasekolah	7
	1.2.1 Kurikulum Bahasa Melayu	10
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	05-4506832	05-4506832
	Tujuan Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Hipotesis Kajian	16
1.7	Kepentingan Kajian	18
1.8	Batasan Kajian	20
1.9	Definisi Istilah	21
	1.9.1 Pengaruh	21
	1.9.2 Persekutaran	21
	1.9.3 Persekutaran Fizikal	22
	1.9.4 Persekutaran Sosial	22
	1.9.5 Struktur Ayat	22
	1.9.6 Ayat Inti	23
	1.9.7 Ayat Transformasi	23
	1.9.8 Kanak-kanak Prasekolah	24
	1.9.9 Status Sosioekonomi	24
1.10	Rumusan	26

## 2.0 BAB 2 : LITERATUR

	27
--	----

2.1	Pengenalan	27
2.2	05-4506832	05-4506832
	Teori dan Konsep Pemerolehan Bahasa	28

2.2.1	Pemerolehan Bahasa Mengikut Pendekatan Behavioris	28
2.2.2	Pemerolehan Bahasa Mengikut Pendekatan Nurant	35
2.2.3	Pemerolehan Bahasa Mengikut Pendekatan Kognitif	42
2.2.4	Pemerolehan Bahasa Mengikut Pendekatan Interaksi	44
2.3	Peringkat Perkembangan Sintaksis	51
2.4	Faktor-faktor Perkembangan Bahasa	52
2.4.1	Faktor Keluarga	53
2.4.2	Taraf Status Sosioekonomi	58
2.4.3	Faktor Bahan Bacaan	64
2.5	Konsep Ayat	69
2.5.1	Teori Transformasi Generatif (TG)	69
2.5.1.1	Teori TG, Versi 1957 ( <i>Syntactic Structures</i> )	70
2.5.1.2	Teori TG, Versi 1965 ( <i>Aspects of the Theory of Syntax</i> )	73
2.5.2	Analisis Struktur Ayat	78
2.5.2.1	Struktur Konstituen Ayat	78
2.5.2.2	Struktur Frasa	85
2.5.2.2.1	Frasa Nama (FN)	87
2.5.2.2.2	Frasa Kerja (FK)	96
2.5.2.2.3	Frasa Adjektif (FA)	103
2.5.2.2.4	Frasa Sendi Nama (FSN)	108
2.5.3	Penggolongan Ayat	113
2.5.3.1	Ayat Inti	113
2.5.3.2	Ayat Transformasi	120
2.5.3.2.1	Ayat Transformasi Satu Dasar (ATSD)	122
2.5.3.2.1.1	Ayat Negatif	123
2.5.3.2.1.2	Ayat Songsang	124
2.5.3.2.1.3	Ayat Tanya	125
2.5.3.2.1.4	Ayat Pasif	126
2.5.3.2.2	Ayat Transformasi Dua Dasar (ATDD)	127
2.5.3.2.2.1	Ayat Majmuk	128
2.5.3.2.2.2	Ayat Majmuk Gabungan	129
2.5.3.2.2.3	Ayat Majmuk Pancangan	130
2.5.3.2.2.4	Ayat Majmuk Campuran	131
2.6	Rumusan	133
	<b>BAB 3 : KERANGKA TEORETIS</b>	134
3.1	Pengenalan	134
3.2	Teori Kod Bahasa	134
3.3	Rumusan	142



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

<b>BAB 4 : REKA BENTUK PENYELIDIKAN DAN METODOLOGI</b>	143
 05-4506832	
 pustaka.upsi.edu.my	
 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
 PustakaTBainun	
 ptbupsi	
4.1 Pengenalan	143
4.2 Reka Bentuk Kajian	144
4.3 Kaedah Kajian	144
4.4 Variabel Kajian	144
4.5 Lokasi Kajian	145
4.6 Kajian Rintis	147
4.7 Instrumen Kajian	150
4.8 Responden Kajian	155
4.8.1 Latar Belakang Responden	155
4.8.2 Jantina	155
4.8.3 Tarikh Lahir	156
4.8.4 Bilangan Adik-beradik	157
4.8.5 Tahap Pelajaran Bapa	157
4.8.6 Tahap Pelajaran Ibu	158
4.9 Prosedur Pengumpulan Data	159
4.10 Prosedur Penganalisisan Data	164
4.11 Rumusan	165

<b>BAB 5 : DAPATAN KAJIAN</b>	166
 05-4506832	
 pustaka.upsi.edu.my	
 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
 PustakaTBainun	
 ptbupsi	
5.1 Pengenalan	166
5.2 Dapatan Kajian Berdasarkan Analisis Frekuensi	167
5.3 Dapatan Kajian Berdasarkan Analisis <i>Crosstabulation</i> (Jadual Silang) Serta Ujian Statistik <i>Chi-Square Likelihood Ratio</i> dan Ujian <i>Somer's D</i>	185
5.3.1 Hubungan Antara Tahap Pelajaran Ibu Dengan SABM Responden	185
5.3.2 Hubungan Antara Tahap Pelajaran Bapa Dengan SABM Responden	186
5.3.3 Hubungan Antara Variabel-variabel Tidak Bersandar Dengan SABM Responden	188
5.3.3.1 Hubungan Antara Kemudahan Perpustakaan Mini atau Sudut Bacaan Khas Di rumah Dengan SABM Responden	188
5.3.3.2 Hubungan Antara Bilangan Bahan Bacaan Di rumah Dengan SABM Responden	189
5.3.3.3 Hubungan Antara Kekerapan Mendapat Bahan Bacaan Dengan SABM Responden	190
5.3.3.4 Hubungan Antara Kekerapan Kekerapan Membaca Buku Cerita Dengan SABM Responden	192

5.3.3.5	Hubungan Antara Kekerapan Mengunjungi Perpustakaan / Kedai Buku / Pameran Buku Dengan SABM Responden	193
5.3.3.6	Hubungan Antara Kekerapan Menghabiskan Masa Menonton Televisyen dan Bermain Permainan Video Dengan SABM Responden	194
5.3.3.7	Hubungan Antara Alat Permainan Mencabar Minda atau Pemikiran Dengan SABM Responden	196
5.3.3.8	Hubungan Antara Peluang Meluahkan Perasaan Dengan SABM Responden	197
5.3.3.9	Hubungan Antara Galakan Bercerita Dengan SABM Responden	199
5.3.3.10	Hubungan Antara Pembetulan Kesalahan Sebutan/ Ujaran Dengan SABM Responden	200
5.3.3.11	Hubungan Antara Kekerapan Bermain Dengan Barang Permainan Di rumah Daripada Bergaul Dengan Kanak-kanak Lain Dengan SABM Responden	201
5.3.3.12	Hubungan Antara Kekerapan Pergaulan Dengan Rakan-rakan Yang Lebih Tua Dengan SABM Responden	203
5.3.3.13	Hubungan Antara Kekerapan Peluang Berinteraksi atau Berkomunikasi Secara Bebas Dengan SABM Responden	204
5.3.3.14	Hubungan Antara Kekerapan Bercerita Tentang Kegiatan Harian atau Kegiatan Bersama-sama Rakan Dengan SABM Responden	205
5.3.3.15	Hubungan Antara Kekerapan Pemberian Respons Terhadap Perbualan atau Cerita Dengan SABM Responden	207
5.4	Dapatan Kajian Berdasarkan Analisis Korelasi Pearson Momen 'r' ( <i>Correlation Moment Pearson 'r'</i> )	209
5.5	Dapatan Kajian Berdasarkan Analisis Regresi	211
5.6	Rumusan	212
	<b>BAB 6 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	212
6.1	Pengenalan	212
6.2	Ringkasan Kajian	212
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian	217
6.3.1	SABM Yang Paling Dominan Dalam Kalangan Responden	217

6.3.2	Hubungan Antara Tahap Pelajaran Ibu Bapa Dengan SABM Kanak-kanak Prasekolah	220
6.3.3	Hubungan Antara Faktor Persekutaran Dengan SABM Kanak-kanak Prasekolah	222
6.4	Kesesuaian Teori Kajian Dengan Dapatan Kajian	230
6.5	Implikasi Dapatan Kajian Yang Baharu	236
	Rujukan	239

- Lampiran 1 : Borang soal selidik  
 Lampiran 2 : Contoh SABM responden dalam kajian rintis  
 Lampiran 3(a) : Instrumen kajian – Kad Gambar (Set I)  
 Lampiran 3(b) : Instrumen kajian – Kad Gambar (Set II)  
 Lampiran 3(c) : Instrumen kajian – Kad Gambar (Set III)  
 Lampiran 3(d) : Instrumen Kajian – Kad Gambar (Set IV)  
 Lampiran 4 : Surat kebenaran Pusat Perancangan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia  
 Lampiran 5 : Surat kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Selangor Darul Ehsan  
 Lampiran 6 : Surat permohonan kebenaran Guru Besar  
 Lampiran 7 : Surat permohonan keizinan ibu bapa untuk menjalankan kajian  
 Lampiran 8 : Kertas edaran untuk aktiviti mewarna  
 Lampiran 9 : Contoh hasil kerja aktiviti melukis / mewarna  
 Lampiran 10 : Data ujaran / ayat responden

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 Binaan FN: Inti + Penerang	89
2.2 Binaan FN: Inti + Inti	89
2.3 Unsur-unsur FN	95
2.4 Binaan FA: Unsur Pengisi FA	105
2.5 Binaan FSN: KS + FN	109
2.6 Binaan FSN: KS + Kata Arah + FN	110
2.7 Binaan FSN: KS + FN + Frasa Keterangan	111
2.8 Binaan FSN: KS + Kata Arah + FN + Frasa Keterangan	111
4.1  05-4506832  <b>Kebolehpercayaan Item-item Faktor Persekitaran Fizikal</b>    ptbupsi	150
4.2 Perincian Item Dalam Borang Soal Selidik	154
4.3 Bilangan Responden Mengikut Jantina	155
4.4 Bilangan Responden Mengikut Bulan Kelahiran	156
4.5 Bilangan Responden Mengikut Bilangan Adik-beradik	157
4.6 Bilangan Responden Mengikut Tahap Pelajaran Bapa	158
4.7 Bilangan Responden Mengikut Tahap Pelajaran Ibu	159
4.8 Tarikh Pengumpulan Data di Lokasi-lokasi Kajian (Jun hingga Oktober, 2005)	161
5.1 Taburan Frekuensi SABM Responden Berdasarkan Prasekolah	168
5.2 Taburan Frekuensi Struktur AT Berdasarkan Prasekolah	179

5.3	Hubungan Antara Tahap Pelajaran Ibu Dengan SABM Responden	186
5.4	Hubungan Antara Tahap Pelajaran Bapa Dengan SABM Responden	187
5.5	Hubungan Antara Kemudahan Perpustakaan Mini atau Sudut Bacaan Khas Di rumah Dengan SABM Responden	189
5.6	Hubungan Antara Bilangan Bahan Bacaan Dengan SABM Responden	190
5.7	Hubungan Antara Kekerapan Mendapat Bahan Bacaan Dengan SABM Responden	191
5.8	Hubungan Antara Kekerapan Membaca Buku Cerita Dengan SABM Responden	192
5.9	Hubungan Antara Kekerapan Dibawa Melawat Perpustakaan / Kedai Buku / Pameran Buku Dengan SABM Responden	194
5.10	Hubungan Antara Kekerapan Menonton Televisyen dan Bermain Permainan Video Game (Video Game) Dengan SABM Responden	195
5.11	Hubungan Antara Kekerapan Mendapat Alat Permainan Mencabar Minda Dengan SABM Responden	197
5.12	Hubungan Antara Kekerapan Peluang Meluahkan Perasaan Dengan SABM Responden	198
5.13	Hubungan Antara Kekerapan Galakan Bercerita Dengan SABM Responden	199
5.14	Hubungan Antara Kekerapan Pembetulan Kesalahan Sebutan / Ujaran Dengan SABM Responden	201
5.15	Hubungan Antara Kekerapan Bermain Dengan Barang Permainan Daripada Bergaul Dengan Kanak-kanak Lain Dengan SABM Responden	202
5.16	Hubungan Antara Kekerapan Bergaul Dengan Rakan yang Lebih Tua Dengan SABM Responden	203

5.17	Hubungan Antara Kekerapan Peluang Berinteraksi atau Berkommunikasi Secara Bebas Dengan SABM Responden	205
5.18	Hubungan Antara Kekerapan Bercerita Tentang Kegiatan Harian Di sekolah atau Kegiatan Bersama-sama Rakan Dengan SABM Responden	206
5.19	Hubungan Antara Kekerapan Pemberian Respons Terhadap Perbualan Atau Cerita Dengan SABM Responden	208
5.20	Analisis Korelasi Antara Tahap Pelajaran Ibu Dengan Variabel-variabel Bebas Terpilih	210
5.21	Analisis Korelasi Hubungan Antara Variabel Bebas Dengan Variabel Bersandar (SABM)	211
5.22	Analisis Regresi Hubungan Antara Variabel Bebas Dengan Variabel Bersandar (SABM)	212


**Rajah****Muka surat**

1.1	Hubungan Sintagmatik Unsur-unsur Dalam Ayat	23
2.1	Proses Pertumbuhan dan Pemerolehan Bahasa Menurut Simanjuntak	41
2.2	Perubahan Persekutaran Sosial Dalam Perkembangan Bahasa Kanak-kanak	49
2.3	Hubungan Komponen Persekutaran Dengan Penguasaan Bahasa Kanak-kanak	50
2.4	Analisis SA Berdasarkan Teori Chomsky, Versi 1957	71
2.5	Analisis SA Berdasarkan Teori Chomsky, Versi 1965	73
2.6	Model Sistem Rumus Analisis Ayat Berdasarkan Teori TG	75
2.7	Perbezaan Perkataan, Frasa, Klausula dan Ayat	86
2.8	Binaan FK	102
3.1	Kerangka Teoretis Kajian	141
4.1	Contoh Borang Pentranskripsian Data	163

A	-	ayat
Adj	-	adjektif
AI	-	ayat inti
AT	-	ayat transformasi
ATDD	-	ayat transformasi dua dasar
ATSD	-	ayat transformasi satu dasar
BM	-	Bahasa Melayu
CWLT	-	<i>children who are late to talk</i>
dll	-	dan lain-lain
EEG	-	<i>electroencephalogram</i>
FA	-	frasa adjektif
FK	-	frasa kerja
FP	-	frasa predikat
FN	05-4506832	  frasa nama  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
FSN	-	frasa sendi nama
Gel	-	gelaran
HSC	-	<i>Higher School Certificate</i>
Hukum D-M	-	hukum diterangkan-menerangkan
K	-	kata
KA	-	kata adjektif
KET	-	keterangan
KGDN	-	kata gant nama diri
KI	-	kata intransitif
KK	-	kata kerja
K Komp	-	kata komplemen
KKT	-	kata kerja transitif
KKTT	-	kata kerja tak transitif
KN	-	kata nama
KN In	-	kata nama inti
KPM	05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

KS	-	kata sendi nama
LAD	-	 <a href="http://pustaka.upsi.edu.my">pustaka.upsi.edu.my</a>  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
LCE	-	<i>Lower Certificate of Education</i>
MCE	-	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
MPU	-	min panjang ujaran
N	-	kata nama am
P	-	predikat
Pen	-	penunjuk
PENG	-	penguat
Penj Bil	-	penjodoh bilangan
Pent	-	penentu
PNR	-	penerang
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
P&P	-	pengajaran dan pembelajaran
PSKAP	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Ampang Pecah
PSKBS	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Bukit Sentosa
PSKG	05-4506832	 <a href="http://pustaka.upsi.edu.my">pustaka.upsi.edu.my</a>  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  <a href="#">PustakaTBainun</a>  <a href="#">ptbupsi</a>
PSKK	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Kerling
PSKKB	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu
PSKKB (2)	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu (2)
PSKKL	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Kalumpang
PSKHB	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Hulu Bernam
PSKR	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Rasa
PSKSS	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Sungai Selisek
PSKST	-	Prasekolah Sekolah Kebangsaan Sungai Tengi
RSF	-	rumus struktur frasa
RT	-	rumus transformasi
S	-	subjek
SA	-	struktur ayat
SABM	-	struktur ayat Bahasa Melayu
SAIL	-	<i>storybook activities for improving language</i>
SF	-	struktur frasa

Sn	-	sendi nama
SPM	-	pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
SSE	-	status sosioekonomi
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TG	-	transformasi-generatif



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Ramai pengkaji mengaitkan kejayaan akademik seseorang dengan kecekapan atau kebolehan berbahasanya (Simon & Laura, 2003; Christiansen, 2003; Bredekamp, 2000; Yardley, 1973). Misalnya, Simon & Laura (2003) mengatakan, “*the development of language and literacy skills is vital to future success in our society*”. Menurut Christiansen, “*language is important for children to succeed in school*”, manakala Yardley pula mengatakan “*how language serves to shape children’s academic thinking is of utmost concern since this is the time during which the foundations for their future*

*success in school are laid”.* Pendapat-pendapat di atas menunjukkan kepentingan bahasa dalam menentukan kejayaan kanak-kanak di sekolah.

Melalui bahasa, kanak-kanak dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain secara berkesan. Bahasa juga membolehkan kanak-kanak menyusun dan mengutarakan idea serta pengalaman mereka sewaktu berhubung dengan kanak-kanak yang lain (Rohani Abdullah, 2001). Dalam konteks pendidikan di negara kita, kebolehan atau kecekapan berbahasa kanak-kanak berkait rapat dengan kebolehan kanak-kanak menguasai kemahiran bahasa. Kemahiran bahasa secara umum merangkumi empat aspek utama, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kesemua kemahiran bahasa ini penting dalam kehidupan individu, sama ada pada peringkat alam persekolahan, alam pekerjaan, atau dalam bidang sosial yang kesemuanya menuntut kecekapan berbahasa seseorang.

Dalam alam persekolahan khususnya, penguasaan bahasa Melayu (BM) amat penting. Hal ini demikian kerana BM merupakan bahasa pengantar di sekolah dan merentasi semua subjek dalam kurikulum. Sekiranya kanak-kanak atau pelajar sekolah lemah dalam kemahiran berbahasa, besar kemungkinan kelemahan tersebut akan menjaskan pelajaran dalam subjek-subjek yang lain. Oleh hal yang demikian, keempat-empat kemahiran bahasa itu wajar diberi penekanan yang sama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa (Abdul Aziz Abdul Talib, 1993).

Kemahiran bahasa sebagai aspek penting dalam P&P turut diberi penekanan dalam kurikulum BM semenjak peringkat prasekolah. Kurikulum BM prasekolah menekankan bahawa BM wajar dikuasai dengan baik dari peringkat prasekolah lagi.



Dalam hal ini, tujuan kurikulum BM untuk membolehkan murid-murid menguasai keempat-empat kemahiran bahasa seperti yang berikut, iaitu:

- (i) mendengar dan menyatakan apa yang didengar (kemahiran mendengar);
- (ii) bertutur dengan sebutan yang betul dan bahasa yang bertatasusila (kemahiran bertutur);
- (iii) membaca dan menceritakan isi bacaan sesuai dengan peringkat perkembangan murid (kemahiran membaca) dan
- (iv) menulis perkataan dan ayat mudah dengan betul (kemahiran menulis).

(Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, 2003:12)

Perkara (iv) di atas menunjukkan betapa pada peringkat prasekolah lagi, kurikulum BM sudah menekankan struktur ayat (SA) dalam kalangan kanak-kanak sebagai asas kepada kemahiran menulis yang lebih kompleks pada peringkat persekolahan yang lebih tinggi.

Dalam penggunaan bahasa seharian, semua individu tidak terkecuali daripada menggunakan ayat sebagai wadah atau wacana untuk berkomunikasi, melahirkan perasaan, fikiran, kemahuan dan sebagainya (Petty & Jensen, 1998; Asmah Haji Omar, 1991; Sudaryanto, 1990; Lewis, 1969). Dalam sistem pendidikan negara, penguasaan SA yang betul penting untuk memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan bertulis bagi mata pelajaran BM. Pencapaian murid atau pelajar dalam mata pelajaran BM sering dikaitkan dengan pencapaian mereka dalam aspek penulisan karangan yang mana rata-rata kajian mengaitkan kelemahan penulisan karangan kanak-kanak dengan kelemahan penguasaan SA. Kelemahan itu pula dapat dikaji daripada aspek kesalahan frasa,

penggunaan SA yang tidak gramatis seperti ayat tergantung, ayat yang terlalu panjang, ayat tanpa subjek dan sebagainya (Awang Mohd. Amin, 1990; Nathesan, 1998; Arpan Shahbudin Latip, 1998; Majlis Peperiksaan Malaysia, 1998).

Dalam kajian yang berkaitan, Farid M. Onn dalam Latifah Mohd. Yunus dan Radiah Nordin (1995) menyenaraikan sekurang-kurangnya lima belas kelemahan dan masalah dalam aspek penulisan karangan. Antara kelemahan berkaitan SA yang disenaraikan ialah penulisan ayat yang tidak jelas dan berliku-liku, hubungan yang kurang logik antara ayat serta ayat tergantung. Kelemahan sebegini tidak sewajarnya berlaku jika kanak-kanak mempunyai asas penguasaan SA yang baik, bermula daripada peringkat awal persekolahan. Penguasaan SA perlu dimantapkan pada peringkat asas ketika kanak-kanak berada di peringkat prasekolah sebagai persediaan awal untuk mereka menguasai SA yang lebih kompleks dalam aspek penulisan di peringkat sekolah rendah, peringkat pengajian tinggi dan seterusnya ke alam pekerjaan. Dalam erti kata yang lain, kanak-kanak perlu didedahkan sebanyak mungkin kepada pengaruh dan rangsangan linguistik dari persekitaran melalui pelbagai konteks seperti penglihatan, pandangan dan perasaan. Hal ini sedemikian kerana bunyi bahasa dan objek yang dapat dilihat membolehkan kanak-kanak mengembangkan minda mereka (Mohamed Awang, 1979).

Penguasaan bahasa kanak-kanak pada peringkat awal tidak dapat dipisahkan daripada komponen keluarga dan sekolah yang mewakili persekitaran asas untuk membantu kanak-kanak membesar dan berkembang dalam pelbagai aspek (Coleman, 1991). Perubahan kepercayaan, nilai dan sikap telah mengakibatkan perubahan yang jelas dalam struktur keluarga. Walau bagaimanapun, keluarga sebagai unit asas tetap memainkan peranan utama dalam perkembangan fizikal, emosi dan sosial kanak-kanak.

Pada masa yang sama, para pengkaji mengenal pasti pendidikan prasekolah sebagai peringkat kritis dalam perkembangan kanak-kanak, sama ada dari segi perkembangan intelek, perkembangan sosial, perkembangan emosi, maupun perkembangan bahasa (Corson, 1988). Kepentingan mutu interaksi antara ibu bapa dengan kanak-kanak pada peringkat awal sering kali diberi penekanan kerana interaksi yang bermutu akan mewujudkan penguasaan bahasa yang baik.

Salah satu petunjuk kejayaan kanak-kanak di alam persekolahan ialah kebolehan berbahasa kanak-kanak pada peringkat awal (White, 1991). Seperti yang dijelaskan oleh Chall dan Curtis (1991), kanak-kanak yang lemah dari segi penguasaan kemahiran bahasa bukan sahaja berisiko untuk mencapai kejayaan di sekolah, malah turut berisiko dari segi pencapaian peribadi dan sosial. Oleh hal yang demikian, program pendidikan prasekolah perlu menyediakan satu asas yang kukuh untuk membantu kanak-kanak mengoptimalkan potensi mereka bagi mencapai kejayaan di sekolah dan dalam kehidupan selepas alam persekolahan. Justeru, sebarang program yang diadakan perlu mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada pihak keluarga bagi mewujudkan persekitaran yang dapat membantu perkembangan kanak-kanak.

Persekitaran yang memberangsangkan akan memberikan pengalaman yang berharga dalam semua aspek perkembangan kanak-kanak, sama ada dari segi fizikal, intelek, bahasa, sosial, emosi, maupun nilai. Dari segi perkembangan bahasa misalnya, Foder, Bever dan Garrett (1974) berpendapat bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak dibantu oleh persekitaran yang kaya dengan pengalaman. Dalam hal ini, individu-individu yang terlibat secara langsung dengan kanak-kanak, seperti para ibu bapa, guru atau pengasuh sering bertanya-tanya tentang bentuk persekitaran yang terbaik untuk

membantu perkembangan bahasa kanak-kanak. Kajian-kajian lepas tentang pemerolehan bahasa dapat memberikan sedikit sebanyak input tentang persoalan tersebut, walau tidak ada satu pun jawapan yang dapat merungkaikan persoalan berkenaan secara khusus.

Kedaaan ini disebabkan pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak merupakan suatu proses semulajadi dan semua kanak-kanak mengalami proses tersebut, tidak kira jenis persekitaran yang dihadapinya (Lindfors, 1980).

Persekitaran sosial yang kondusif di rumah dikatakan mampu menyediakan peluang yang banyak untuk kanak-kanak melibatkan diri dalam perbualan dengan orang-orang dewasa. Penglibatan dalam perbualan dengan individu-individu yang lebih matang secara tidak langsung menambahkan pengalaman berbahasa kanak-kanak (Foder, Bever dan. Garrett, 1974). Berk dan Garvin (1984:272) turut mengaitkan pengalaman sosial pada peringkat awal sebegini dengan peningkatan mutu pertuturan *peribadi (private speech)* kanak-kanak. Dalam konteks ini, Berk dan Garvin bersetuju bahawa teori Vygotsky yang menekankan bahawa interaksi sosial bukan sahaja mempengaruhi perkembangan pertuturan peribadi kanak-kanak, bahkan juga mempengaruhi perkembangan pemikiran kanak-kanak adalah benar.

Kajian-kajian turut membuktikan bahawa persekitaran yang memberangsangkan akan menambahkan peluang untuk kanak-kanak menerokai penggunaan bahasa dan memungkinkan kanak-kanak membina konsep yang lebih kukuh tentang bahasa ibundanya disebabkan adanya pengalaman secara langsung. Oleh hal yang demikian, keluarga sebagai unit yang paling dekat dengan kanak-kanak mampu menyediakan persekitaran yang kondusif untuk membantu penguasaan bahasa kanak-kanak.



## 1.2 Kurikulum Prasekolah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Untuk mempertingkatkan keberkesanannya sistem pendidikan prasekolah, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah menggubal semula kurikulum pendidikan prasekolah. Hasilnya, kurikulum prasekolah kebangsaan dibahagikan kepada beberapa komponen utama, sesuai dengan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek atau mental kanak-kanak dalam lingkungan umur empat hingga enam tahun. Antara komponen yang terkandung dalam kurikulum prasekolah kebangsaan yang digubal semula adalah seperti yang berikut:

- (i) komponen bahasa dan komunikasi;
- (ii) komponen perkembangan kognitif;
- (iii) komponen pendidikan kerohanian dan moral;
- (iv) komponen perkembangan sosioekonomi;
- (v) komponen perkembangan fizikal dan
- (vi) komponen kreativiti dan estetika.

(Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, 2003:4)

Memandangkan matlamat kajian adalah untuk mengkaji penguasaan struktur ayat bahasa Melayu (SABM) dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, maka komponen bahasa dan komunikasi akan diuraikan secara lebih terperinci. Komponen bahasa dan komunikasi dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003) merangkumi BM sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah Cina, bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah Tamil dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Menuruturaian di dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003), kemahiran bahasa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dan komunikasi merupakan nadi kepada pembelajaran murid. Seseorang murid sudah menguasai kemahiran asas bahasa apabila mereka mempunyai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta boleh berinteraksi dengan orang lain. Kebolehan berbahasa dan berkomunikasi dengan baik meningkatkan keyakinan murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Perkara ini menjadi asas kepada pembelajaran sepanjang hayat (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, 2003:9).

Prinsip utama pengajaran bahasa adalah menyatupadukan keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa yang dipelajari. Kemahiran-kemahiran tersebut merangkumi aspek-aspek seperti yang berikut:

- (i) kemahiran mendengar – murid boleh membezakan bunyi dan boleh memahami apa yang didengar;
- (ii) kemahiran bertutur – murid dapat menyebut bunyi dan perkataan dengan betul serta dapat menyatakan pemikiran dan perasaan mereka secara berkesan dan bertatasusila;
- (iii) kemahiran membaca – murid boleh mengucapkan apa yang tertulis dan bercetak dan memahami makna perkataan atau ayat yang dibaca dan
- (iv) Kemahiran menulis – murid dilatih untuk menguasai motor halus sehingga boleh menuliskan huruf dan perkataan dan seterusnya menulis ayat mudah.

Kemahiran-kemahiran bahasa dan komunikasi di atas boleh dicapai melalui pembelajaran yang bermakna dan menggembirakan seperti permainan bahasa, main

peranan, bercerita, lawatan dan sebagainya (KPM, 2003). Dalam konteks ini, kanak-kanak belajar bahasa melalui berbagai-bagai cara, antaranya dengan meniru bunyi yang pernah didengar. Mereka belajar dengan meniru orang dewasa dan rakan-rakan mereka ketika bercakap. Mereka mendengar pertuturan daripada orang lain dan meluahkan dengan cara tertentu. Bunyi perkataan adalah “MAGIC” bagi anak-anak. Contohnya, kanak-kanak pada peringkat prasekolah tertarik dengan permainan lagu berantai yang berikut:

Malam yang sepi pi ... pi  
 Pak Mat jual topi pi ... pi  
 Topi yang koyak yak ... yak  
 Pak Mat jual tempoyak yak ... yak  
 Tempoyak yang basi si ... si  
 Pak Mat jual nasi si ... si

(Sumber: Rohani Abdullah dan Nani Menon, 2003:157)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Perkataan “MAGIC” seperti contoh di atas diperoleh apabila kanak-kanak mula bermain dengan bahasa. Selepas menghafal dan menghasilkan semula perkataan tersebut, mereka akan mempelbagaikan dan memanipulasikannya dalam pelbagai keadaan. Mereka membina perkataan yang lucu, mudah dan mereka atau mencipta cerita khayalan daripada pengalaman sendiri. Justeru, kanak-kanak perlu didedahkan kepada pelbagai alatan dan aktiviti spontan bagi membolehkan mereka menerokai dan seterusnya mengembangkan penguasaan bahasa mereka. Suasana pembelajaran dalam kelas juga hendaklah merupakan suasana yang merangsangkan perkembangan bahasa.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi